



**GARIS PANDUAN**  
**PERMOHONAN DANA TRANSFORMASI KOMUNITI**  
**PENGURUSAN & PROFESSIONAL**  
**FAKULTI TEKNOLOGI & SAINS MAKLUMAT**

## BAHAGIAN 1 (PERMOHONAN)

### 1.1 PENGENALAN

Penubuhan *Special Interest Group* (SIG) di FTSM sekitar tahun 2016 telah banyak menganjurkan program-program yang menghubungkan FTSM dengan komuniti terutama kepada pelajar-pelajar sekolah. Program-program yang telah dianjurkan oleh SIG ini dilihat dapat memberi impak kepada komuniti dan masyarakat setempat terutama dalam aspek pemindahan pengetahuan dan teknologi serta membantu dalam penjana kewangan Fakulti. Dana Transformasi Komuniti ini diperkenalkan bagi tujuan menyokong aktiviti SIG bersama komuniti dan sekaligus dapat memberi sumbangan kepada penilaian MyRA khususnya. Sumber dana ini adalah melalui [Tabung FTM 1](#).

### 1.2 OBJEKTIF

Tujuan geran ini adalah untuk menggalakkan kakitangan Kumpulan P&P menjalankan penyelidikan yang melibatkan pemindahan pengetahuan dan teknologi terkini kepada komuniti dan masyarakat.

### 1.3 SYARAT PERMOHONAN

Syarat permohonan adalah seperti berikut:

- 1.3.1 Terbuka kepada semua kakitangan Kumpulan P&P Fakulti Teknologi dan Sains Maklumat yang tidak mengetuai projek penyelidikan;
- 1.3.2 Bagi projek penyelidikan yang diketuai oleh Pegawai Kumpulan P&P, dimestikan mempunyai Penyelidik Bersama terdiri daripada kakitangan akademik [di mana kakitangan akademik perlu menjadi Ketua Program kepada program yang dianjurkan](#);
- 1.3.3 Setiap permohonan perlu mempunyai kolaborasi dengan komuniti/NGO/industri;
- 1.3.4 Peranan kolaborasi adalah sebagai penghubung kepada pemindahan pengetahuan dan teknologi yang terhasil daripada penyelidikan;
- 1.3.5 Melaksanakan program pemindahan pengetahuan/teknologi kepada sekurang-kurangnya tiga (3) komuniti/NGO/industri dengan sasaran minimum peserta berjumlah 20 orang serta memperolehi penjana yang berpatutan. [Program yang dianjurkan perlu membawa peningkatan pengetahuan, sikap, kemahiran dan aspirasi pada komuniti](#);
- 1.3.6 Sekiranya projek berbentuk pertandingan, penganjur perlu mendapatkan sumbangan luar\* NGO/Industri/Komuniti untuk penyediaan hadiah pertandingan; *\*digalakkan berjumlah minimum sebanyak RM3,000.*
- 1.3.7 Peruntukan yang ditawarkan adalah sebanyak RM7,000 bagi setiap permohonan;
- 1.3.8 Setiap penganjuran program perlu mempunyai objektif yang berkait dengan geran penyelidikan yang telah aktif atau tamat dan didaftarkan dalam iSTAR atau e-Aktiviti.

#### 1.4 TEMPOH PENYELIDIKAN

Tempoh penyelidikan adalah sehingga Disember 2020.

#### 1.5 TATACARA PERMOHONAN

- 1.5.1 Pemohon perlu mengemukakan Borang Permohonan Dana Transformasi Komuniti P&P FTSM yang lengkap kepada Urusetia Unit Penyelidikan dan Inovasi;
- 1.5.2 Permohonan perlu disertakan perancangan aktiviti pemindahan pengetahuan/teknologi kepada komuniti;

#### 1.6 PERATURAN PERBELANJAAN

Perincian perbelanjaan adalah seperti berikut:

##### 1.6.1 Vote 21000 (Perjalanan dan Pengangkutan)

- i. Perjalanan hanya merangkumi perjalanan dan pengangkutan dalam negara yang berkaitan dengan projek.

##### 1.6.2 Vote 27000 (Bekalan & Bahan-bahan lain)

- i. Peralatan yang dibeli menggunakan vot ini (berharga <RM3,000.00) perlu dinyatakan dengan jelas di dalam perancangan kewangan dan pembelian perlu mengikut tatacara pengurusan aset.
- ii. Hanya bahan/peralatan yang berkaitan dengan projek sahaja yang dibenarkan.

##### 1.6.3 Vote 29000 (Perkhidmatan Ikhtisas)

Vot ini meliputi lain-lain perkhidmatan termasuk percetakan, hospitaliti, honorarium, perkhidmatan profesional, konsultasi, penggunaan komputer, pemprosesan data, saguehati dan lain-lain perkhidmatan ikhtisas yang berkaitan dengan projek penyelidikan.

##### 1.6.4 Vote 35000 (Aksesori dan Peralatan)

- i. Pembelian peralatan khas dan aksesori (termasuk meningkatkan keupayaan peralatan sedia ada) yang berkaitan dengan projek penyelidikan sahaja. Senaraikan jenis peralatan dan justifikasi permohonan. Jumlah yang dipohon tidak melebihi 40% daripada jumlah keseluruhan geran.
- ii. Pembelian aset/inventori perlu mengikut prosedur universiti dan dilaksanakan dengan teratur. Setiap aset/inventori perlu dikawal dengan baik dari segi rekod dan dilabel Hak Kerajaan Malaysia dan No. Siri Pendaftaran.
- iii. Aset yang dibenarkan:
  - Alat atau aksesori berharga kurang daripada RM5,000.00;
- iv. Setiap aset perlu dikembalikan kepada pihak CRIM setelah selesai projek penyelidikan tersebut atau penyelidik cuti belajar. Ini termasuklah komputer riba, kamera, ipad, telefon pintar, pencetak, projector serta lain-lain peralatan penyelidikan.

## 1.7 HASIL PENYELIDIKAN

### 1.7.1 Penerbitan

- i. Penyelidik perlu menghasilkan sekurang-kurangnya satu (1) artikel berindeks WOS ESCI/SCOPUS/MyCITE yang ditulis bersama industri/NGO/komuniti;
- ii. Artikel yang telah diterbitkan perlu didaftarkan di Sistem e-Repository Penerbitan.

### 1.7.2 Kertas Kerja Program dan Laporan Perkembangan *Knowledge Transfer Program* (KTP)

Perlu menghasilkan Kertas Kerja Program dengan objektif yang menyokong bidang penyelidikan dan Laporan Perkembangan Knowledge Transfer Program (KTP) bagi setiap program yang dijalankan. Kertas Kerja Program perlu dimuat naik dalam iSTAR atau e-Aktiviti.

### 1.7.3 Laporan Hasil Analisa Keberkesanan Program

Perlu mengemukakan Laporan Hasil Analisa Keberkesanan Program dengan menggunakan Borang Soal Selidik atau instrumen yang dapat mengukur keberkesanan program yang dianjurkan.

### 1.7.4 \*Laporan Penjanaan Kewangan

Perlu menyerahkan pembuktian penerimaan yuran penyertaan bagi pemindahan wang ke dalam akaun UKM

### 1.7.5 \*Pembuktian Penerimaan Sumbangan dari NGO/Industri/Komuniti

Pembuktian penerimaan sumbangan adalah berbentuk:

- i. Wang Tunai
  - a. Surat tawaran daripada penyumbang;
  - b. Transaksi pemindahan wang tunai
- ii. Peralatan
  - a. Surat tawaran daripada penyumbang;
  - b. Borang Pendaftaran Aset/Inventori

### 1.7.6 \*Harta Intelek

Digalakkan mendaftar perlindungan harta intelek terutama kepada modul yang dibangunkan. Proses pendaftaran harta intelek dan pengkomersilan perlu melalui INOVASI@UKM.

*\*digalakkan*



## BAHAGIAN 2 (PENILAIAN)

### 2.1 PENILAIAN

2.1.1. Penilaian akan dibuat oleh Jawatankuasa Penilai FTSM yang akan dipengerusikan oleh Dekan/Timbalan Dekan P&I;

2.1.2 Keputusan Jawatankuasa Penilai FTSM adalah muktamad.

-TAMAT-